

29 JUL 2001

Juara

600 PROTON JUARA DIJUAL SELEPAS DUA MINGGU DILANCARKAN

MELAKA, 29 Julai (Bernama) -- Proton Juara, kenderaan pelbagai guna (MPV) dan model terbaru dari syarikat pengeluar kereta nasional, mencapai jualan sebanyak 600 unit selepas dua minggu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Eksekutif Proton Edar Sdn Bhd Maruan Said berkata mereka yang telah membuat tempahan akan menerima kenderaan masing-masing minggu hadapan.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran promosi model berkenaan di Mahkota Parade di sini petang semalam oleh Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Maruan berkata Proton Edar mensasarkan untuk menjual antara 5,000 ke 6,000 unit model itu tahun ini manakala untuk tahun hadapan ia mungkin mencapai kepada 10,000 unit.

"Kebanyakan mereka yang membeli kenderaan MPV ini adalah kerana kepelbagaian kegunaannya sama ada untuk bersantai, keluarga, perniagaan dan sebagainya," katanya.

Maruan berkata daripada jumlah yang terjual itu, kebanyakannya diterima daripada pembeli dari Sarawak dan juga Sabah.

Setakat ini, pelancaran di peringkat negeri telah diadakan di Kota Kinabalu, Kota Baharu dan Melaka.

Mohd Ali pula berkata model MPV buatan Malaysia itu membuktikan tentang kemampuan rakyat sejajar dengan semangat "Malaysia Boleh".

"Sekarang terbukti Proton mampu bersaing dalam teknologi pembuatan kereta di peringkat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

SBS MAI